

## **BAB PERTAMA**

## BAB PERTAMA

### Pendahuluan

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bermula dari kejatuhan kerajaan Abbasiah di tangan Monggol tahun 1258 m umat Islam menghadapi kelemahan dan kemelesetan dalam berbagai bidang terutamanya bidang aqidah. Walaupun mesudah itu berdiri semula politik pemerintahan Islam di zaman kerajaan Othmaniah namun ianya hanya beberapa ketika sahaja. Umat Islam tidak mempunyai pegangan aqidah yang kukuh dan mantap untuk berhadapan dengan musuh-musuh Islam.

Fahaman-fahaman jahiliah mula memainkan peranananya untuk menjatuh dan menghancurkan umat Islam. Musuh-musuh Islam yakin bahawa mereka tidak mampu mengalahkan umat Islam dengan kekuatan senjata dan perang, tetapi ianya dapat dikalahkan dengan memesongkan aqidah umat Islam. Dengan itu lahirlah berbagai fahaman ciptaan manusia seperti nasionalisme, sosialisme, kapitalisme dan bermacam-macam lagi isme dengan tujuan supaya umat Islam tidak lagi berpegang dengan aqidah Islamiah yang sebenar.

Akibat dari tekanan dan ancaman terhadap umat Islam ini lahirlah beberapa gerakan kebangkitan Islam yang didokong oleh beberapa orang mujadid untuk mengembalikan dan memurnikan aqidah umat Islam dari noda jahiliah dan kesyirikan.

Bertolak dari sinilah penulis memilih tokoh Muhammad Abdul Wahhab atas dasar bahawa ia seorang mujadid yang telah berjuang menentang segala bentuk bidaah, khurafat dan syirik di Jazirah Arab. Usaha tajdid yang dimulakan oleh beliau telah berjaya mengembalikan semula aqidah umat Islam yang suci berdasarkan Al Quran dan Al Sunnah.

## 1.2 ANALISA TAJUK.

Dalam analisa tajuk ini penulis akan membincangkan secara ringkas sejarah hidup Muhammad Abdul Wahhab dan suasana di Arab Saudi semasa beliau hidup. Dalam membincarkan sejarah hidup Muhammad Abdul Wahhab penulis akan menyentuh tentang sejarah kelahiran dan keturunannya serta latarbelakang pendidikannya. Mengenai suasana di Arab Saudi pula penulis lebih menupuaskan di daerah kelahiran tokoh sahaja iaitu daerah Najd dan sekitarnya. Aspek yang ditekankan ialah dari segi aqidah, politik dan sosial masyarakat ketika itu.

### 1.2.1 Sejarah kelahiran dan Keturunan.

Beliau ialah Muhammad b. Abdul Wahhab b. Sulaiman b. Muhammad b. Ahmad b. Rashid b. Barid b. Muszif Al Tamimy. Beliau dilahirkan di daerah U'yaynah di Najd(Utara<sup>1</sup> Riyah) pada tahun 1115 H bersamaan 1703 M.

-----  
1

Dr. Aaminah Muhammad Nasir, Al Syeikh Al Imam Muhammad Abdul Wahhab wa Manhajuhu Fi Mabahisi Al Aaudati, Mesir Darul Syuruk, 1983. hal 27.

Beliau adalah keturunan Banu Sinan salah satu cabang  
dari Qabilah Tamim. Beliau hidup di dalam lingkungan  
keluarga yang terdidik dengan keilmuan agama. Bapanya  
Abdul Wahhab b. Sulaiman merupakan seorang kadi di  
U'yaynah. Diriwayatkan bahawa ia seorang yang alim, faqih,  
adil dan terkenal dikalangan masyarakat. Ia juga telah  
mengarang beberapa risalah dalam bidang feqah, tafsir dan  
mengajar ilmu keagamaan di masjid U'yaynah. Datuknya  
Sulaiman b. Ali meninggal dunia tahun 1078 H dikenali  
sebagai seorang ahli sejarah dan alim dalam feqah mazhab  
Hambali yang menjadi rujukan masyarakat ketika itu.  
<sup>3</sup>

Pada awal bulan Syawal tahun 1206 H Muhammad Abdul  
Wahhab telah ditimpa sejenis penyakit. Tidak lama selepas  
itu beliau pun kembali kepada Allah Rabbul Alamin pada  
akhir bulan yang sama tahun 1206 H.  
<sup>4</sup>

#### 1.2.2 Latarbelakang Pendidikannya.

Muhammad Abdul Wahhab dilahirkan dalam suasana  
keluarga yang baik. Ia mempelajari Al'Quran dan beberapa  
ilmu lain dari bapanya sendiri. Ia telah menghafal Al

-----

2

Shorter Encyclopedie Of Islam, hal 618.

3

Dr. Aaminah Muhammad Nasir, Op Cit., hal 7.

4

Salahuddin Mokhtar, Tarikh al Mamlakah al Arabiah al  
Saudiah fi Madjha wa Hadiraha, Juz 1 Beirut Darul  
Maktabah cet 1. 1957. hal 56.

Quran semasa berumur 10 tahun. Setelah baligh beliau pergi ke Mekah untuk menunaikan haji dan belajar dengan ulama-ulama di sana. Kemudiannya beliau pergi pula ke Madinah untuk menziarahi makam Rasulullah s.a.w dan mempelajari ilmu dengan ulama-ulama di sana. Beliau tinggal di Madinah beberapa tahun. Semasa tinggal di sana beliau telah belajar ilmu keagamaan dari dua orang ulama terkenal iaitu Al syeikh Abdullah b. Ibrahim b. Saif Al Najdi dan Al syeikh Muhammad Hayat Al Sindhi. Melalui kedua-dua ulama ini beliau dapat menambah ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang Hadith.

5

Dari Madinah beliau pergi pula ke Iraq dan tinggal beberapa ketika disana terutamanya di Basrah dan hidup bersama dengan ramai ulamak di sana diantaraanya Al syeikh Muhammad Al Majmui. Selepas itu beliau ingin pergi ke Syam tetapi terpaksa dibatalkan kerana kekurangan belanja. Oleh itu beliau keluar dari Basrah menuju ke Al Zubir dan seterusnya ke Ihsa'. Di Ihsa' beliau mempelajari ilmu Usuluddin dengan beberapa orang ulamak disana. Selepas itu beliau kembali ke Huraimilaa kerana bapanya berpindah kesana pada tahun 1139 H setelah berlaku perselisihan dengan amir di U'yaynah. Semasa di Huraimilaa beliau mempelajari lagi ilmu dari bapanya dan

-----  
5

Abdul Aziz b. Baz, Muhammad b. Abdul Wahhab Dakwatuahu wa Siratuhi, Jeddah: Darul Saudiah cet 2 1969. hal 20-21.

disamping itu ia mengajar kepada masyarakatnya. Bapanya meninggal dunia pada tahun 1153 H.<sup>6</sup>

Selain dari menuntut ilmu dengan mengembara, Al syakh Muhammad Abdul Wahhab juga banyak membaca serta mengkaji buku-buku karangan ulamak-ulamak terdahulu. Hasil bacaan dan kajian, beliau telah terpengaruh dengan karangan-karangan Ibnu Taimiyah (1292-1328 H) dan muridnya Ibnu Qaiyyim Al Jauziyyah (1292-1356 H). Khususnya pemikiran mengenai aqidah salaf dan usaha mengembalikan umat Islam kepada wasitiyah serta membebaskan mereka dari belenggu taqlid.<sup>7</sup><sup>8</sup>

Setelah beliau belajar dan mendalami berbagai ilmu pengetahuan, beliau mula mengeabangkan ilmunya dengan mengajar kepada masyarakat seperti ilmu tafsir, hadith, tauhid, fiqah Hanbali, dan lain-lain lagi. Disamping itu beliau juga menulis berpuluhan-puluhan buku dalam berbagai bidang dan cabang ilmu. Diantara buku-buku tersebut:

1. Kitab Al Tauhid.
  2. Kashfu Shubhat.
  3. Kitab Al Kabaaiz wal Masail al lati khalafa fiha Rasulullah s.a.w ahli Jahiliyah.
- 

6

Ibid.

7

Aqidah yang diambil terus dari Allah dan RasulNya serta pendapat yang disepakati oleh umat Islam

8

Zakaria @ Mahmood Daud Ali, Muhammad Abdul Wahhab dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam dalam bidang Aqidah & Politik, (Kertas Kerja), hal. 8.

4. Kitab Tafsir Al Quran.
5. Ikhtisar min syarhi Al Kabir wal ansaf.
6. Ikhtisar Kitab Al Huda Al Nabawi Li ibni Qaiyyim.
7. Syarhi Al Iqna'(Ringkasan dari hukum-hukum sembahyang, zakat dan puasa)
8. Kitab Usul Al Iman.
9. Al Sirah Al Mukhtasar.
10. Al Sirah Al Muthavilah(Menerangkan sirah Rasulullah).
11. Mukhtassar Alhuda Al Nabawi.
12. Majmuk Al Hadis(Mengelaskan perscalan Fiqah).
13. Fadhu Al Islam(Menjelaskan kelebihan Islam dan dakwah).
14. Al Usul Al Thalatah wal Adilatuha.
15. Nasihat Al Muslimin bi Ahadis Khafani Al Mu'iz
16. Kutaibu Nawaqidhi Al Islam.
17. Tafsir Surah Al Fatihah.
18. Tafsir Kalimah Al Tauhid.
19. Ma'na Al Thagut wa Ruus Al wa'hi.
20. Ahadis Al Fitani
21. Mukhtassar Zada Al Milad.
22. Mufidu Al Mustafid.
23. Al Amru bil Maaruf wa Nahu 'ani Mungkar.

### 1.2.3 KEPERIBADIAN.

Muhammad Abdul Wahhab merupakan seorang yang sangat

kuat berpegang dengan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupannya. Beliau juga sangat kuat berpegang dengan ajaran Sunnah Rasulullah. Walaupun ada tuduhan-tuduhan dari musuhnya yang menyatakan beliau banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Rasulullah seperti larangan berdoa di kubur Rasulullah, meruntuhkan kubah di atas kubur Rasulullah dan sebagainya. Namun semuanya itu tidak dapat diterima dengan semudahnya.

Kecintaannya terhadap ajaran Rasulullah dapat dilihat dari suratnya kepada Al syeikh Ahmad b. Yahya seorang ulamak sezaman dengannya. Katanya;

Jangan kamu mentaati aku, Jangan taati kecuali perintah atau suruhan Rasulullah.  
Ketahuilah bahawa kamu tidak akan selamat kecuali kamu mengikuti Rasulullah s.a.w.

10

Ketahuilah bahawa dunia akan pergi.

Beliau juga seorang yang berpegang kuat dengan pendapat aliran pemikiran ulamak salaf, mengikuti metodologi dan akhlak mereka. Beliau seorang yang bersih hati dan pakalan, tidak banyak bercakap kecuali mengenai perkara yang berfaedah. Seorang yang fasih lidahnya, berani, bijak berhujjah, menyampaikan ajarannya dengan bahasa yang mudah dan menarik .

11

10

Ahmad Abdul Ghaffar A'ttar, Muhammad Abdul Wahhab, Beirut: Maktabah al Irtan, cet 2 1972. hal 105-108.

11

Ibid.

#### 1.2.4 Keadaan Umat Islam dari segi aqidah dan amalan di masa kelahiran beliau.

Negeri Najd yang terletak di Jazirah Arab berlaku beberapa kemungkaran dan penyelewengan yang bertentangan dengan aqidah Islamiah. Keadaan ini digambarkan oleh seorang ahli sejarah Arab Ibnu Ghannam dalam kitabnya <sup>12</sup> Raudah Al Afkar menjelaskan:

Bahawa masyarakat Arab di Najd, Ihza' dan negeri-negeri lain tenggelam dalam kemaksiatan dan kesyiziran. Mereka mengikut hawanafsu dan syaitan. Mereka meninggalkan kitab Allah dan Sunnah Rasulnya yang menyuruh kearah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Mereka tidak mampu melaksanakan tugas ini bahkan dalam diri mereka ada penyakit aqidah mereka rosak. Mereka menyeleweng dari menyembah Allah kepada menyembah orang-orang saleh dan auliya.

Umat Islam tidak memahami Islam sebenarnya dimana mereka mengamalkan perkara-perkara khurafat, syirik dan bidaah yang berlavanian dengan Islam. Mereka melakukan pemujaan kepada kubur-kubur wali dan kubur para sahabat. Ramai diantara mereka telah mengunjungi kubur seorang sahabat bernama Zaid b. Al Khatib di Jubailah untuk memohon sesuatu bagi mendapatkan kebaikan dan melepaskan <sup>13</sup> dari bala dan bahaya

Terdapat sepuhon pokok tamu jantan yang dipanggil

-----

12

Muhammad Ali Rifai, Rijal wa Mawajif, Kaherah: Darul Sya'b, cet 1 1977, hal 9.

13

Husayn Khalaf Khaz'al, Hayat al Syeikh Muhammad Abdul Wahhab, Beirut Darul Kutub, cet 1 1960, hal 42.

Fahhai yang mana perempuan yang lambat dapat suami atau jodoh datang meminta kepadanya supaya diberikan jodoh dengan melafazkan permohonan "vahai pokok temar jantan aku mahu seorang bacak suami sebelum berakhir tahun ini. Disamping itu terdapat juga pokok yang masyhur yang dinamakan Thuralfah. Mereka bergantung dengannya dan mengharapkan berkat dan kebaikan.

Di satu kampung di daerah Dar'iyah terdapat kubur-kubur yang dianggap sebagai kuburan sahabat-sahabat Nabi.  
 ia juga didatangi oleh orang-orang Islam Arab untuk maksud pujaan dan juga memohon pertolongan. Di bahagian lain pula terdapat sebuah gua besar yang dianggap sebagai tempat persebunya seorang puteri raja yang lari dari penjahat-penjahat yang cuba menginayainya. Kononnya dikatakan bahawa, bila puteri itu sampai ke pintu gua itu maka ia melaungkan dengan suara yang kuat memohon pertolongan dari Allah. Akhirnya pintu gua itu terbuka, lalu puteri itu memasukinya. Penduduk-penduduk di situ membawa makanan dan hadiah-hadiah lain serta meminta sesuatu dari puteri tersebut.

Dari sini menampakkan kepada kita bahawa masyarakat Islam Arab ketika itu, begitu kuat mepercayai perkara-perkara khurafat dan bidaah.

14

Ibid.

15

Ibid.

### 1.2.5 Keadaan Umat Islam dari segi Politik dan sosial.

Di Majd, sistem politik yang wujud ialah berbentuk anarki serta berlaku perpecahan dan nevujudkan banyak pusat-pusat pemerintahan. Umpannya daerah Uyaynah diperintah oleh keluarga Sa'ud, di Riyad diperintah oleh keluarga Daves, Di Ihza, diperintah oleh keluarga Bani Khalid, Di Majra diperintah oleh keluarga Hazal, Di Ha'il diperintah oleh keluarga Hajilan dan di sempadan di antara selatan dan utara Iraq diperintah oleh keluarga Syabib.

Walau bagaimanapun, hampir kesemua pemerintah ini tidak mempunyai kemerdekaan sepenuhnya kerana banyak berlaku penindasan, fitnah memfitnah dan lain-lain lagi. Ringkasnya pada masa itu tidak wujud peraturan politik yang dikenali, tiada bandar yang jelas, sementara peraturan dan syariat tidak diketahui malahan lebih teruk lagi. Fitnah memfitnah tersebar seperti taufan, perkelahian diantara kerajaan sentiasa berlaku. Penduduk negeri sentiasa hidup dengan ketakutan dan kegeruan. Perang berlaku berterusan yang membawa kepada ramai yang terbunuh, bangunan-bangunan banyak yang roboh dan pokok-pokok banyak yang musnah.

16

Sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa suasana-suasana yang seumpama inilah yang telah mempengaruhi jiva

Muhammad Abdul Wahhab untuk membetulkan dan memperbaiki segala penyelewengan yang berlaku.

### 1.3 TUJUAN KAJIAN.

1. Muhammad Abdul Wahhab merupakan tokoh yang dianggap kontroversi di kalangan tokoh-tokoh mujadid yang ada. Timbul berbagai tanggapan apa yang dilakukan oleh beliau sama ada yang pro atau kontra. Jadi penulis merasakan sesuatu perkara yang kontroversi harus ditanggapi secara teliti dan mendalam agar tanggapannya menjadi jelas dan benarpati yang sebenarnya.

2. Banyak usaha tajdid yang dilakukan oleh tokoh-tokoh mujadid di zaman silam. Jadi penulis memilih Muhammad Abdul Wahhab sebagai bahan kajian untuk melihat secara lebih dekat lagi terhadap usaha yang beliau buat untuk mengembalikan dan memurnikan aqidah Islamiah.

3. Diantara aspek penting yang ditumpukan oleh Muhammad Abdul Wahhab adalah menentang segala bentuk bidaah, khurafat dan syirik yang berlaku di zamannya. Dengan kajian ini penulis merasakan boleh dibuat perbandingan dengan keadaan sekarang apakah ia wujud atau tidak.

4. Dakvaan-dakvaan mengatakan aliran pemikiran aqidah yang dibawa oleh Muhammad Abdul Wahhab bertentangan dengan Ahlu Sunnah wal Jamaah sedangkan beliau mendakwa perjuangannya adalah untuk mengembalikan umat Islam

Kepada I'tiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dengan kajian ini penulis dapat tahu apakah ianya benar-benar berlaku atau tidak.

5. Usaha dakwah yang dilakukan oleh Muhammad Abdul Wahhab adalah berdasarkan pendekatan political power iaitu dengan cara menggabungkan golongan ulanak dan umarak yang telah membawa kesan positif terhadap dakvahnya. Jadi disini boleh dijadikan panduan bagi para daat dalam melaksanakan dakwah yang lebih berkesan.

6. Pengkajian dan penilitian tentang tejuk ini juga sebagai pembuka jalan bagi golongan da'i untuk melihat bentuk dakwah dan peranan yang dimainkan oleh Muhammad Abdul Wahhab dalam usaha menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat.

7. Kajian ini juga sebagai memenuhi kewajipan Fakulti Usuluddin dan syarat untuk mendapat ijazah Sarjana Muda.

#### 1.4 METODOLOGI

Metodologi adalah "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>17</sup> Ia berasal dari bahasa Yunani "methodos"<sup>18</sup> adalah cara atau jalan. Jadi metodologi itu bererti -----

<sup>17</sup> Iman Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan. Penerbitan Yayasan PIP IKIP Yogyakarta 1982. hal. 51.

<sup>18</sup> Koentjaraningrat (ED), Metode Penelitian Masyarakat. Penerbit PT Gramada Jakarta. 1986. hal 7

ilmu tentang cara. Dalam bidang penelitian ilmiah, metode adalah merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan.

19

Dalam rangka penulisan kertas kerja ini penulis telah menggunakan beberapa method iaitu:

### 1. Metode Penentuan subjek.

Dalam menentukan subjek ini penulis telah memilih seorang tokoh mujadid yang bernama Muhammad Abdul Wahhab sebagai bahan kajian. Pemilihan tokoh ini kerana beberapa sebab:

- a. Merupakan tokoh kontroversi dikalangan tokoh-tokoh mujadid lain.
- b. Pendekatan dakwahnya yang begitu berkesan dan berjaya menarik masyarakat kepada menghayati Islam sebenarnya.
- c. Kerjasama bellau dengan pemerintah dalam berdakwah yang belum pernah dilakukan oleh mujadid-mujadid lain sebelumnya.

### 2. Metode Pengumpulan Data.

Dalam usaha mendapatkan bahan dan fakta, penulis menggunakan beberapa method:

#### a. Metode Sejarah/Historis.

Metode historis adalah bererti "satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang yang tepat mengenai

20 kejadian-kejadian. Penggunaan metode ini adalah untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah.

Penulis menggunakan metode ini dalam menghuraikan dan menjelaskan riwayat hidup tokoh dan suasana di Arab Saudi semasa hidupnya.

b. Metode Dokumentasi.

Metode dokumentasi adalah bererti cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti. Dokumen bererti benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan yang termasuk dalam dokumen-dokumen antara lain kumpulan hukum, peraturan, keputusan pengadilan,  
21 gambar dan sebagainya.

Dalam hal ini penulis telah mengumpulkan data-data dengan menggunakan dokumen-dokumen dan bahan bacaan yang mutabaz yang berkaitan dengan masalah yang dibahasakan.

Dokumen-dokumen itu ialah:

- a. Al Quran Al Karim.
- b. Al Sunnah Rasulullah s.a.v.
- c. Buku-buku agama.
- d. Surat khabar, majalah, kertas kerja dan sebagainya.

c. Metode Interview tidak formal.

-----  
20

Imam Bar nadib, Op Cit. hal 52.

21

Ibid. hal 55.

Interview ialah cara yang dipergunakan oleh seseorang untuk mendapatkan keterangan dan pendapat secara lisan dari seorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu.

Menerusi metode ini penulis menemui beberapa pihak secara tidak formal untuk mendalami lagi tentang tokoh yang dibincangkan terutama tentang pandangan ulama terhadap aliran pemikirannya.

### 3. Metode Analisa Data.

#### a. Metode Induktif.

Iaitu cara menarik kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Contoh penulis menggunakan method ini dalam menjelaskan pengaruh Muhammad Abdul Wahhab kepada dunia Islam.

#### b. Metode Kompratif.

Cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang perolehi. Penulis banyak menggunakan metode dalam membuat perbandingan pandangan ulama terhadap Muhammad Abdul Wahhab dan juga

22

Koentjakaningrat, Op Cit. hal. 129.

23

Dr Abdul Halim Haji Mat Diah, Satu Contoh Tentang "Hukuman Metodologi" Fakulti Usuluddin AIUM. 1987. hal 30.

24. Ibid.

nombandingkan aliran pemikirannya dengan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

#### 1.4 Masalah Kajian.

- a. Sulit mendapatkan bahan-bahan yang berauthoriti untuk membincangkan tajuk yang dibahaskan.
- b. Masa yang terhad menyebabkan penulis tidak dapat membincangkan dengan teliti dan mendalam.
- c. Setakat kajian yang penulis buat, penulis tidak menjumpai penulisan barat yang mengkritik tokoh Muhammad Abdul Wahhab.
- d. Penggunaan komputer yang terhad menyebabkan penulis tidak dapat menyiapkan kertas projek dengan cepat.

#### 1.5 Sinopsis

##### Bab 1

Bab ini adalah merupakan bahagian pendahuluan. Bab ini mengandungi latar belakang tajuk, analisa tajuk, alasan pemilihan tajuk, method penulisan/penyelidikan, masalah kajian dan diakhiri dengan sinopsis.

##### Bab 2

Bab ini ialah bahagian landasan teori. Menerusi bab ini penulis membincarakan di sekitar dakwah Muhammad Abdul Wahhab kepada masyarakatnya. Merujuk kepada

dakwahnya penulis menyentuh tentang pendekatan dakwahnya dan peringkat-peringkat yang dilakukan oleh beliau serta kritikan terhadapnya. Penulis juga menyentuh tentang pengaruh Muhammad Abdul Wahhab kepada dunia Islam secara umum.

### Bab 3

Bab ini adalah bahagian metodologi penyelidikan. Dalam bab ini penulis membincarakan aliran dan ajaran pemikiran Muhammad Abdul Wahhab. Menerusi bab ini penulis membincarakan tiga aspek penting yang ditekankan oleh beliau dalam usaha pemurnian aqidah umat Islam. Ketiga-tiga aspek tersebut ialah mengembalikan umat Islam kepada aqidah yang suci, memerangi syirik dan menentang amalan bidaah dan khurafat. Penulis berbuat demikian kerana ketiga-tiga ini merupakan intipati perjuangan Muhammad Abdul Wahhab.

### Bab 4

Bab ini merupakan laporan penyelidikan dan penafsiran data. Dalam bab ini penulis membincangkan tentang pendapat sarjana terhadap aliran pemikiran Muhammad Abdul Wahhab dan perjuangan sama ada yang pro atau kontra. Sarjana yang dipilih termasuk Islam dan Barat.

## Bab 5

Bab ini merupakan penutup yang juga merupakan kesimpulan daripada kajian didalam kertas projek ini. Bahagian akhir ini juga mengandungi bibliografi yakni rujukan-referensi yang digunakan oleh penulis didalam menyiapkan kertas projek ini.